

## PEMUPUKAN NILAI RASIONAL MELALUI WATAK PROTAGONIS DALAM CERITA PAK PANDIR

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300, Kelantan.

Email: [sitinurulsuhadahadnan@gmail.com](mailto:sitinurulsuhadahadnan@gmail.com)

Mohd Firdaus Che Yaacob

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300, Kelantan.

Email: [firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

### ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan pengolahan idea kreatif yang dihasilkan oleh penglipur lara pada zaman dahulu. Menurut Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) cerita rakyat ialah satu ungkapan kata-kata yang diolah dalam bentuk cerita bagi menegur kesalahan anggota komuniti. Tindakan ini dilakukan bagi menjaga keharmonian masyarakat setempat tanpa mengaibkan mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, cerita rakyat kian dipinggirkan pada masa kini. Hal ini kerana penyampaian cerita rakyat secara lisan dianggap tidak bersesuaian untuk disampaikan dalam arus kemodenan pada hari ini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menangkis persepsi masyarakat terhadap penyampaian cerita rakyat. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai rasional menerusi watak protagonis dalam cerita *Pak Pandir*. Kajian ini membataskan sebuah cerita iaitu *Pak Pandir*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kepustakaan dan analisi teks bagi memperincikan data. Seterusnya, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu menrusi pendekatan moral sebagai deduktif kajian. Hasilnya, kajian ini mendapat nilai rasional dalam cerita rakyat mampu mendidik manusia untuk sentiasa berfikir membuat keputusan yang tepat dalam hidup mereka.

**Kata Kunci:** Nilai Rasional, Cerita Rakyat, Melayu, Protagonis, Pendekatan Moral

### 1. Pengenalan

Cerita rakyat merupakan pengolahan kreatif yang disampaikan secara lisan kepada masyarakat setempat. Penyampaian cerita rakyat bertujuan untuk menegur kesilapan tatasusila atau tingkah laku generasi muda (Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2017). Hal ini supaya generasi muda mampu menerima budaya dan inti pati yang terkandung dalam sebuah cerita rakyat. Secara tidak langsung, generasi mampu menerima dan beradaptasi dengan amalan atau tingkah laku yang mencerminkan budaya masyarakat Melayu. Kenyataan ini disokong oleh Normaliza Abd Rahim et, al. (2016) cerita rakyat ialah sebuah ungkapan kata yang dicipta dalam bentuk cerita klasik. Setiap cerita rakyat memberi sumbangan terbesar dalam mendidik anak-anak muda terutama aspek akhlak dan perwatakan. Hal ini kerana pendidikan berteraskan akhlak dan nilai moral penting bagi membina anak-anak muda yang berjiwa bangsa.

Nilai rasional merupakan sebuah pemikiran yang didasari dengan akal fikiran yang waras (Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al., 2016). Setiap keputusan akhir perlu mengarah kepada tingkah laku yang adil dan saksama kepada semua pihak. Keputusan akhir mesti didasari dengan alasan munasabah yang memberi keuntungan kepada semua pihak. Kenyataan ini disokong oleh Sakinah Abu Bakar (2016) nilai rasional ialah satu bentuk perbuatan yang mampu membuat timbal balik berdasarkan bukti kukuh. Setiap pertimbangan yang dipersetujui mestilah adil dan memberi manfaat semua pihak. Ini bagi memastikan tiada pihak tercicir dalam mendapatkan manfaat bersama melalui keputusan akhir yang dibuat dalam komuniti.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang telah mengupas tentang cerita rakyat Melayu. Antara yang diteliti ialah *Mitos dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan* oleh Ruhaiza Abu Bakar et, al. (2017). Cerita rakyat merupakan rangkuman kisah yang menceritakan tentang penempatan secara lisan kepada penduduk. Setiap cerita memiliki identiti agar mampu dijadikan jati diri masyarakat setempat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan mitos dan legenda *Tasik Chini* sebagai produk pelancongan. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat iaitu *Legenda Tasik Chini*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati legenda *Tasik Chini* sesuai dijadikan produk pelancongan kerana menggambarkan identiti negeri Pahang yang masyhur.

Seterusnya, Noviatin Syarifuddin & Mimi Hanida Abdul Mutalib (2017) dalam kajian yang bertajuk *Analisis Sosiologikal Terhadap Makna Legenda Monsopiad: Perspektif Etnik Kadazandusun*. Cerita rakyat diklasifikasikan sebagai kesusasteraan lama yang disampaikan daripada mulut ke mulut. Namun, gaya penyampaian lisan pada masa kini mulai terbatas kerana wujudnya perubahan teknologi. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan analisis sosiologikal terhadap legenda *Monsopiad*. Maka, kajian ini membataskan untuk meneliti sebuah legenda *Monsopiad* sebagai bahan utama. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasilnya, kajian ini mendapati legenda *Monsopiad* memperlihatkan jati diri masyarakat dengan memperkayakan nilai-nilai moral didalamnya.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) tentang *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu*. Cerita rakyat merupakan sebuah medium pendidikan pada zaman nenek moyang. Cerita rakyat disampaikan bagi tujuan memberi nasihat dan tunjuk ajar tentang perilaku yang baik. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam terhadap pembentukan sosiobudaya kanak-kanak melalui cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti cerita dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati cerita rakyat mampu menerapkan sosiobudaya yang kondusif dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Cerita rakyat menggambarkan jati diri masyarakat terdahulu yang mampu mendidik anak-anak dengan keperibadian yang baik. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilatan Emas*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat yang bertajuk *Kilatan Emas*. Cerita ini diperoleh di Bachok, Kelantan menerusi temu bual bersama penglipur lara. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai pemangkin kajian yang kukuh. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati cerita *Kilatan Emas* memiliki keterampilan dalam menyampaikan sifat kepimpinan yang sejati kepada masyarakat.

## 3. Penyataan Masalah

Melalui sorotan kajian di atas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelompongan yang diteliti menerusi kajian-kajian lepas. Antaranya ialah *Mitos dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan* oleh Ruhaiza Abu Bakar et, al. (2017), *Analisis sosiologikal terhadap makna Legenda Monsopiad: Perspektif etnik Kadazandusun* oleh Noviatin Syarifuddin & Mimi

Hanida Abdul Mutalib (2017), *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan *Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022).

Melalui pengkajian yang telah dilakukan, pengkaji melihat sarjana terdahulu kurang menitikberatkan nilai rasional dalam kajian mereka. Hal ini jelas dibuktikan apabila sarjana dahulu hanya meneliti aspek mitos, sosiologikal, nilai Islam dan sosioekonomi semata-mata. Lantaran itu, nilai rasional dilihat kian dipinggirkan dan kurang diketengahkan dalam kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengembalikan konsep nilai rasional dalam cerita rakyat Melayu agar sentiasa dihayati dan membentuk pemikiran yang cerdas dalam kalangan anak muda.

#### 4. Batasan Kajian

Kajian ini membataskan cerita rakyat yang bertajuk *Pak Pandir*. Cerita rakyat ini diperolehi melalui teks *Terlajak Sengal Pak Kaduk vs Pak Pandir*. Hal ini kerana cerita Pak Pandir sering dilabelkan sebagai seorang yang lurus bendul dan tidak memiliki jati diri. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) untuk mendapatkan hasil kajian yang mampan. Pengkaji akan menggunakan pendekatan moral dalam teori pengkaedahan Melayu kerana dilihat akrab dengan identiti masyarakat setempat.

#### 5. Metodologi Kajian

Pada bahagian metodologi, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pengumpulan maklumat mengenai cerita rakyat dan nilai rasional secara terperinci. Kaedah kepustakaan ini dikumpul melalui bacaan bahan ilmiah. Antara bahan ilmiah yang diteliti ialah buku-buku, jurnal-jurnal, tesis dan sumber internet yang sahih. Bahan-bahan ini diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awan Negeri Terengganu dan Perpustakaan Negeri Daerah Hulu Terengganu. Bahan-bahan ini diambil rujukan bagi merumuskan tentang cerita rakyat dan nilai rasional.

Kaedah kedua dalam kajian ini ialah analisis teks. Kaedah ini menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Terlajak Sengal Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Menerusi kajian ini, pengkaji mengambil sebuah cerita iaitu *Pak Pandir* bagi menganalisis data secara lebih jelas. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral bagi menganalisis cerita jenaka secara lebih jelas. Hal ini kerana pendekatan moral dilihat lebih sinonim dengan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya.

#### 6. Teori Pengkaedahan Melayu

Pengkaji telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini dikemukakan untuk meneliti semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu. Melalui pendekatan moral, kesusasteraan tidak bergantung kepada kejadian alam mahupun objek material semata-mata. Namun, pendekatan moral meliputi pengalaman hidup yang dilalui oleh manusia (Hashim Awang, 2002). Pengalaman itu dinilai sama ada positif atau negatif berdasarkan persepsi masyarakat setempat. Pendekatan moral bersifat pengalaman hidup manusia termasuklah perasaan, jiwa, emosi, kepercayaan dan kebudayaan yang memperkuuhkan ilmu pengetahuan serta daya kreatif seseorang pengkarya.

## 7. Nilai Rasional Melalui Watak Protagonis dalam Cerita *Pak Pandir*

Pada bahagian analisis, pengkaji menemukan beberapa nilai rasional melalui watak protagonis dalam cerita *Pak Pandir*. Antara nilai rasional ialah berfikiran logik, bijak menangani masalah dan membuat pertimbangan wajar.

Nilai rasional merupakan satu bentuk hujah atau alasan yang munasabah untuk mengelakkan seseorang daripada ditimpa musibah (Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2017). Rasional dilihat sebagai kekuatan akal fikiran manusia untuk mendominasi sesuatu perkara. Hal ini berpunca daripada masalah yang rumit dan tidak ditemui jalan penyelesaian. Oleh itu, manusia akan cuba berfikir secara wajar dalam keadaan tenang untuk menemui cara menyelesaiannya. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mentakrifkan rasional ialah pemikiran seseorang yang mampu merungkai masalah secara matang. Hal ini kerana individu itu mampu meredakan emosi negatif dan berusaha secara maksimum untuk menyelesaikan isu. Individu tersebut berusaha untuk tidak mempertikaikan keadaan semasa yang rumit malah berfikir secara terbuka untuk menyelesaikan isu.

### 7.1 Nilai Rasional Melalui Sikap Berfikiran Logik

Sikap berfikiran logik merupakan satu tindakan seseorang yang mampu memikirkan masalah secara waras tanpa melibatkan emosi negatif (Normaliza Abd Rahim et, al., 2016). Sikap ini memperlihatkan seseorang itu memiliki keupayaan berfikir yang jelas dan teliti demi menyelesaikan isu. Hal ini membuatkan komuniti setempat lebih yakin dengan tindakan individu tersebut. Penyataan ini disokong oleh Noviatin Syarifuddin & Mimi Hanida Abdul Mutualib (2017) yang mendefinisikan sikap berfikiran logik ialah gaya atau kaedah pemikiran yang sering dilakukan dengan perancangan. Setiap perancangan mesti diteliti dan difahami oleh semua pihak. Hal ini bagi mengurangkan rasa ketidakpercayaan masyarakat kepada individu tersebut.

Sikap berfikiran logik mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

#### Petikan 1

Pak Pandir pun mengkafarkan jenazah anaknya itu dengan kain balutan. Setelah itu, dibungkusnya dengan tikar kecil. Kemudian, bungkusn tikar itu terus dibawa ke tanah perkuburan.

(Isham Hamzah, 2016: 36)

Melalui petikan 1, sikap berfikiran logik mampu dilihat pada watak Pak Pandir. Watak ini baharu sahaja kehilangan anak kerana kecuaianya yang memandikan anak dengan air panas. Pak Pandir disuruh isterinya untuk mengembumikan jenazah anaknya itu. Pak Pandir dilihat mampu mengkafarkan jenazah anak dengan kain dan dilapisi tikar kecil. Hal ini supaya jenazah anaknya itu tidak terjatuh saat di bawa ke tanah perkuburan.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini menekankan aspek jiwa dan perasaan dalam watak protagonis cerita di atas. Pada dasarnya, watak ini dilihat sangat lurus dalam tindakannya. Namun, sewaktu watak diminta untuk melaksanakan tugas tentang keagamaan, watak Pak Pandir mampu menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Hal ini didorong dengan hati nurani dan ilmu pengetahuan tentang agama sedikit sebanyak membantu watak menyempurnakan tugasnya sebagai muslim sejati.

## 7.2 Nilai Rasional Melalui Sikap Bijak Menangani Masalah

Sikap bijak menangani masalah merupakan kecerdikan seseorang dalam mengawal masalah hidup yang dihadapi secara logik akal (Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al., 2016). Hal ini kerana seseorang individu itu mampu berfikir secara kritis dan inovatif dalam menyelesaikan isu. Oleh itu, individu tersebut bersedia untuk menggunakan pelbagai cara bagi menyelesaikan masalah. Penyataan ini disokong oleh Ruhaiza Abu Bakar et, al. (2017) yang menyifatkan bijak menangani masalah adalah keupayaan seseorang untuk menggunakan akal fikiran di saat kritikal. Hal ini disebabkan oleh masalah atau halangan untuk mencapai matlamat utama. Oleh sebab itu, seseorang individu akan berusaha secara maksimum dengan mencipta pelbagai idea bagi menyelesaikan isu atau permasalahan.

Sikap bijak menangani masalah mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Sikap ini jelas diterangkan seperti dalam petikan di bawah:

### Petikan 2

Kata Pak Pandir, “Mak Cik, ambillah semula ‘kerbau’ mak cik ini. Andeh suruh minta kerbau yang betul, kerbau yang berkaki empat dan bertanduk” Perempuan tua itu tercengang dan berkata dalam hati, “Pak Pandir rupanya dia ini” “Pak Pandir, kamu tunggulah disini dahulu, aku ambil kerbauku di bendang,” kata perempuan tua itu kepada Pak Pandir.

(Ishak Hamzah, 2016: 42)

Berdasarkan petikan ini, sikap bijak menangani masalah mampu dilihat pada watak Pak Pandir. Watak ini dikatakan telah melakukan kesalahan dengan membeli sebilah sabit dengan seorang perempuan tua. Hal ini kerana watak Pak Pandir mengira sabit itu adalah kerbau yang diminta isterinya. Isteri Pak Pandir merasa kesal dengan kesalahan Pak Pandir. Bagi tidak mengeruhkan keadaan, Pak Pandir berjumba semula perempuan tua itu untuk mengembalikan sabit itu. Kesannya, Pak Pandir berhasil mendapatkan kerbau seperti mana yang diminta oleh isterinya.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini menekankan pengalaman hidup manusia yang rumit membuatkan mereka mampu memiliki adat resam. Adat resam ini menjadi tunjang kehidupan masyarakat Melayu. Melalui cerita di atas, pengalaman hidup yang serba kekurangan membuatkan watak lebih berhati-hati dan berusaha menyelesaikan masalah. Hal ini kerana watak tersebut mengetahui kelalaianya mampu membuatkan masalah menjadi lebih rumit. Oleh sebab itu, watak cerita ini berusaha gigih untuk menyelesaikan masalah menggunakan akal fikiran yang cetek itu.

## 7.3 Nilai Rasional Melalui Sikap Membuat Pertimbangan Wajar

Sikap membuat pertimbangan wajar merupakan daya fikir seseorang yang mampu mengimbangi perasaan hawa nafsu dengan hak batil (Sakinah Abu Bakar, 2016). Hal ini membuatkan individu itu mampu melakukan sebuah keputusan terbaik dalam hidupnya. Secara tidak langsung, pertimbangan yang dilakukan mampu memberi impak positif kepada diri dan orang sekeliling. Kenyataan ini disokong oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang menyifatkan sifat membuat pertimbangan wajar ialah kebijaksanaan akal yang mampu membezakan keperluan dan kehendak manusia. Apabila manusia menekankan keperluan melebihi kehendak, maka sebuah keputusan yang bernas mampu mengubah keseluruhan kehidupan. Oleh sebab itu, manusia perlu berfikir di luar jangkauan dalam setiap pertimbangan terutama berkaitan kehidupan mereka.

Sikap membuat pertimbangan wajar mampu diperhatikan dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Sikap ini jelas diperincikan seperti petikan di bawah:

### Petikan 3

Kata Pak Pandir, “Cepat, Andeh! Nanti orang lain akan dapat dahulu harta itu. Kita pula yang melepas” Mereka pun berjalan pergi ke rumah gergasi.

(Ishak Hamzah, 2016: 56)

Melalui petikan ini, sikap membuat pertimbangan wajar mampu dilihat pada watak Pak Pandir. Watak ini dikatakan baharu sahaja terlepas daripada dikejar gergasi kerana kesalahan Pak Pandir yang membuatkan anak gergasi mati tercekik tulang kerbau. Melalui helah yang dibuat, Pak Pandir dan Mak Andeh mampu menyelamatkan diri daripada gergasi. Apabila gergasi telah lemas, Pak Pandir dan Mak Andeh pergi ke rumah gergasi. Hal ini kerana mereka ingin mengambil harta gergasi tersebut. Kesannya, kehidupan Pak Pandir dan isterinya berubah setelah mendapatkan harta tersebut.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan moral memperlihatkan pengalaman hidup manusia dijadikan iktibar kepada komuniti lain. Setiap pengalaman buruk dijadikan panduan agar manusia lain tidak melakukan hal yang sama. Pendekatan moral ini menekankan konsep pertimbangan yang wajar dalam membuat keputusan yang baik. Oleh itu, ilmu pengetahuan dan pengalaman penting bagi menjamin sebuah kehidupan yang sempurna.

## 8. Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini telah mendedahkan nilai rasional yang wujud dalam cerita rakyat Melayu. Melalui pendedahan sebegini, generasi muda mampu menghayati dan mendalami bentuk kesusasteraan tradisional. Hal ini penting kerana generasi muda masih belum peka terhadap isu kesusasteraan Melayu yang dibangkitkan. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat kajian kesusasteraan Melayu ini wajar dibawa ke peringkat tinggi supaya generasi muda jelas akan kepentingan memupuk nilai rasional dalam perspektif cerita rakyat Melayu. Oleh itu, cerita rakyat mempunyai kelebihan untuk dijadikan sebagai alat penyebaran nilai rasional kepada generasi muda terutama terhadap sebuah pendidikan yang baharu.

## 9. Rujukan

- Ishak Hamzah. (2016). *Terlajak Sengal Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. E Media Multimedia Group SDN. BHD. Kuala Lumpur.
- Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2017). Prinsip Perancangan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal Of Business And Social Development*. 5(1), 123-139.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiod budaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *MAHAWANGSA Jurnal Pertanika*. 8(2), 1-12.
- Normaliza Abd Rahim et, al. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*. 25(1), 12-21.
- Noviatin Syarifuddin & Mimi Hanida Abdul Mutualib. (2017). Analisis Sosiologikal Terhadap Makna Legenda Monsopiad: Perspektif Etnik Kadazandusun. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*. 13(3), 42-52.
- Nur Yuhani Mohd. Nasir et, al. (2016). Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU*. 23, 143-160.
- Ruhaiza Abu Bakar et, al. (2017). Mitos dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 1(1), 1-25.

Sakinah Abu Bakar. (2016). Kearifan Tempatan Orang Melayu: Refleksi Melalui Hikayat Pelandok Jenaka. *Malay Literature*. 29(1), 22-41.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja. *MAHAWANGSA Jurnal Pertanika*. 9(1), 68-80.